



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KOMITMEN BELIA TANI TERHADAP PROJEK
PERTANIAN DI WILAYAH NARATHIWAT,
SELATAN THAILAND**

SAREE DAMA @ GHAZALI HASAN

FPP 2000 5

**KOMITMEN BELIA TANI TERHADAP PROJEK
PERTANIAN DI WILAYAH NARATHIWAT,
SELATAN THAILAND**

SAREE DAMA @ GHAZALI HASAN

**Tesis ini dikemukakan untuk memenuhi syarat keperluan
IJAZAH Master Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia**

Januari 2000



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk ijazah Master Sains.

**KOMITMEN BELIA TANI TERHADAP PROJEK PERTANIAN
DI WILAYAH NARATHIWAT, SELATAN THAILAND**

Oleh

SAREE DAMA

Januari 2000

Pengerusi : Prof. Madya Dr. Hj. Azimi Hj. Hamzah

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Pada asasnya, Thailand adalah sebuah negara pertanian yang sangat memerlukan tenaga muda agar sektor pertanian negara dapat terus dikeluarkan. Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan kecil jumlah belia yang masih gigih meneruskan usaha bertani. Walaupun terdapat banyak peluang dari sektor lain, mereka masih lagi tertumpu kepada pertanian. Ini membayangkan komitmen yang tertentu. Oleh itu adalah wajar dikaji tahap komitmen dan faktor-faktor yang mempengaruhi komitmen mereka.

Objektif kajian ialah untuk mengetahui tahap komitmen dan mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi komitmen. Seramai 120 orang belia tani dari sekitar wilayah Narathiwat telah dipilih sebagai responden. Penemuan kajian mendapati tahap komitmen majoriti responden adalah sederhana. Keperluan dalaman untuk berjaya, berdikari dan dihargai, dan personaliti didapati paling penting dalam mempengaruhi komitmen. Faktor kebolehan juga didapati berkaitan secara signifikan dengan komitmen. Faktor-faktor pendapatan, tempoh

menyertai projek, dan umur juga menyumbang kepada tahap komitmen. Faktor galakan didapati tidak berkaitan dengan tahap komitmen belia tani.

Kajian mencadangkan agar mereka yang bertanggungjawap dalam pembangunan belia tani memberi perhatian kepada keperluan dan personaliti belia dalam meningkatkan komitmen mereka. Peningkatan keupayaan dan kemahiran, dan pendedahan kepada teknologi dan kaedah pertanian yang lebih tinggi harus juga dititikberatkan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in partial fulfilment of the requirements for the degree of Master of Science

**COMMITMENT OF FARM YOUTH IN AGRICULTURAL PROJECT
IN NARATHIWAT PROVINCE, SOUTHERN THAILAND**

By

SAREE DAMA

January 2000

Chairman : Assoc. Prof. Dr. Hj. Azimi Hj. Hamzah.

Faculty : Educational Studies

Basically, as an agricultural country, Thailand requires the participation of her young population to ensure continuous development of the agricultural sector. However, young people tend to stay away from agricultural activities and only a few groups are committed in pursuing the vocation. Even though there are many opportunities available in other sectors, this groups of young people continue to fill the sector. Therefore, it is appropriate to discover what are the factors that influence their commitments.

The objective of this study is to determine their level of commitment and to identify the factors that influence their commitments. A total of 120 young farmers were selected from the Narathiwat Province as respondents.

The findings of the study show that the commitment level of a majority of the respondents was moderate. Internal achievement needs and personality traits were the most important factors that influence their commitments. Income, duration of the



project, age, and encouragement were also found to be the contributing factors that influences the young Narathiwat farmers.

The study concludes by acknowledging the fact that it is appropriate for those who are involved in the field of youth development to give due attention to the needs and personality of the youth that contributes towards higher level of commitment in agricultural activities. Improvements in knowledge, skills, attitude and exposure to superior the agricultural technology should be given emphasis.

PENGHARGAAN

Penulis memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T serta selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. atas kudrat dan iradatNya, penulisan ini akhirnya dapat diselesaikan. Pada kesempatan ini penulis ingin merakamkan Jazakumullahu Khairan dan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Hj. Azimi Hj. Hamzah, Timbalan Dekan (Fakulti Pengajian Pendidikan UPM), sebagai ketua penyelia atas nasihat, bimbingan dan cadangan beliau kepada penulis dalam menyediakan tesis ini. Penulis juga merakamkan penghargaan kepada ahli-ahli Jawatankuasa khususnya Prof. Madya Dr. Hj Saidin Teh dan Dr. Hj. Ezhar Tamam atas sumbangan dan cadangan berasas mereka.

Ucapan ribuan terima kasih juga ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Hj. Turiman Suandi, Ustaz Nubli Abd Wahab, Wan Marzuki Wan Jaafar, Tuan Hj Wan Ibrahim Ali, Tuan Hj. Abdul Rahman Ahmad dan Cikgu Sufian Mohammad Nor yang banyak membantu kerja menganalisis data kajian. Ucapan terima kasih juga dipanjangkan kepada Puan Norizan Abu Bakar, Puan Musrifah sindin, Arbaiyah Mohd Isa dan semua pensyarah serta kakitangan Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan, Fakulti Pengajian Pendidikan yang sentiasa membantu penulis menjayakan program pengajian ini.

Penulis tidak lupa juga menghargai bantuan kewangan yang diberi dalam bentuk Ihsan oleh Ahli Kelas Al-Quran Country Heights selama penulis berada di UPM ini. Begitu juga kakitangan Sekolah Agama Menengah Hulu Langat, Batu 10, Cheras, Selangor yang memberikan pelbagai kemudahan kepada penulis. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada ayah dan ibu mertua yang banyak membantu dalam menjaga anak-anak semasa menyiapkan tesis ini.

Akhir sekali penghargaan yang tidak ternilai kepada isteri dan anak-anak yang banyak memberikan sokongan, bantuan dan inspirasi. Penulis agak terharu di atas kembalinya ke Rahmatullah ayahandanya di saat-saat kajian ini dijalankan. Semoga Allah S.W.T. mencucuri Rahmat ke atas rohnya.

Kepada semua yang disebutkan di atas, dan teman-teman yang tidak disebut, hanya Allah S.W.T. sahaja yang memberi ganjaran di atas usaha dan jihad yang telah dicurahkan. Semoga usaha kita diberkati Allah S.W.T. dan Allah S.W.T. tidak mensia-siakan ganjaran muhsinin. **Amin**.



KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vi
LEMBAR PENGESAHAN	viii
PERNYATAAN KEASLIAN	x
KANDUNGAN	xi
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv

BAB

I	PENDAHULUAN	1
	Latar Belakang	1
	Pembangunan Pertanian di Thailand	2
	Penglibatan dan komitmen Belia dalam Pertanian	3
	Kenyataan Masalah	7
	Objektif Kajian	9
	Kepentingan Kajian	10
	Skop Kajian	10
	Definisi Operasional	11
II	SOROTAN LITERATUR	13
	Konsep Komitmen	13
	Kepentingan Komitmen	14
	Komitmen Individu	15
	Konsep Mengenai Sikap dan Tingkah Laku	16
	Teori-teori Berkaitan dengan komitmen	17
	Teori Psikologi Pergerakan Masyarakat	17
	Teori Mobilisasi Sumber	18
	Teori-teori Motivasi	18
	Kajian Terdahulu Mengenai Faktor-faktor yang	
	Mempengaruhi Komitmen	22
	Latar Belakang	23
	Personaliti Individu	24
	Keperluan Individu	26
	Kebolehan Individu	27
	Galakan sosial	30



	Ringkasan Sorotan Literatur	30
III	METODOLOGI KAJIAN	33
	Rangka Konsep Kajian	33
	Populasi Kajian	33
	Peralatan Kajian	35
	Pengukuran Angkubah Bergantung dan Angkubah Bebas	39
	Tahap Komitmen	39
	Faktor Latar Belakang	40
	Faktor Personaliti	41
	Faktor Keperluan	41
	Faktor Kebolehan	41
	Faktor Galakan	42
	Pengumpulan Data	42
	Penganalisis Data	43
IV	HASIL KAJIAN	44
	Profil Belia Tani di Wilayah Narathiwat, Selatan Thailand	44
	Faktor Latar Belakang	44
	Faktor Personaliti	47
	Faktor Keperluan Individu	48
	Faktor Kebolehan	51
	Faktor Galakan	51
	Tahap Komitmen Belia Tani dalam Projek Pertanian	54
	Perkaitan Antara Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Komitmen	56
	Faktor Latar Belakang	56
	Faktor personaliti	56
	Faktor Keperluan Individu	57
	Faktor Kebolehan	58
	Faktor Galakan	58
	Ringkasan	58
V	RINGKASAN, PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	61
	Ringkasan	61
	Latar Belakang	61
	Kenyataan Masalah	62
	Objektif Kajian	63
	Metodologi Kajian	63
	Angkubah Bebas	63
	Profil Belia Tani dan Perkaitan	
	Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Komitmen	66

Tahap Komitmen Belia Tani	67
Perbincangan	68
Kesimpulan	72
Cadangan	73
RUJUKAN	76
LAMPIRAN	81
A Borang Soal Selidik	82
B Borang Soal Selidik Bahasa Thai	96
C Panduan Temubual	110
D Peta Thailand	112
E Surat Permohonan Kebenaran	115
F Surat Pengesahan Borang Soal Selidik	117
VITA	119

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
1 Populasi Belia Tani di Bawah Jabatan Pertanian Mengikut Daerah di Wilayah Narathiwat, Thailand.....	35
2 Nilai Ujian Reliabiliti Mengikut Ciri-Ciri Responden.....	38
3 Taburan Responden Mengikut Faktor Latar Belakang	45
4 Taburan Responden Mengikut Tahap Sifat Personaliti, Keperluan, Kebolehan, Galakan.....	47
5 Taburan Kedudukan Personaliti dari Pandangan Responden.....	48
6 Taburan Responden Mengikut Tahap Komponen- Komponen Faktor Keperluan	49
7 Taburan Responden Mengikut Tahap Kebolehan	50
8 Taburan Responden Mengikut Tahap Faktor Galakan.....	52
9 Taburan Responden Mengikut Tahap Komitmen Terhadap Projek pertanian	53
10 Perkaitan antara Tahap Komitmen dengan Angkubah Latar Belakang Terpilih.....	55
11 Perkaitan antara Komitmen dengan Sifat-SifaPersonaliti, Keperluan, Kebolehan dan Galakan	57

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
1 Model Motivasi Porter dan Lawler	22
2 Rangka Konsep Kajian	34



BAB 1

PENDAHULUAN

Latar Belakang

Negara Thai atau Thailand (nama tempatannya MuangThai atau Prathet Thai) mempunyai keluasan 513,115 km persegi. Bentuk muka buminya bergenung-ganang dengan tanah rata di bahagian tengah dan dataran tinggi di timur (Jabatan Perdana Menteri Thailand, 1997b). Negara beriklim tropika ini bersempadan dengan Laos dan Myanmar di utara, Myanmar di barat, Malaysia di selatan, dan Kemboja dan Laos di timur (lihat Lampiran B).

Penduduk yang berjumlah 54.4 juta orang dalam tahun 1990 telah meningkat kepada 58.6 juta dalam tahun 1997 (Jabatan Perdana Menteri Thailand, 1997a). Sumber aslinya ialah timah, gas asli, dan *tungsten*. Manakala eksport utama ialah bahan-bahan makanan, tekstil, getah dan peralatan jentera.

Kadar pertumbuhan pendapatan per kapita ialah 3.8 peratus setahun dalam tahun-tahun 1970 - 1986 (Jabatan Pertanian Thailand 1997). Dalam tempoh tersebut keluaran kasar negara per kapita bersamaan US\$ 1000. Pada tahun 1997 angka ini meningkat kepada US\$ 1630 (Jabatan Perdana Menteri Thailand, 1997a). Peningkatan ini adalah hasil pertumbuhan ekonomi negara

yang pesat dan begitu ketara berikutan perlaksanaan Pelan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Kebangsaan yang telah bermula sejak tahun 1961.

Pembangunan Pertanian di Thailand

Pada asasnya Thailand adalah sebuah negara pertanian. Sektor pertanian merupakan penyumbang utama kepada keluaran kasar negara. Sumbangan terpenting sektor pertanian ialah pengeluaran keperluan makanan negara dan pembekalan input mentah kepada beberapa industri asas (Jabatan Perdana Menteri Thailand, 1997a).

Pelan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Kebangsaan menekankan perimbangan infrastruktur di sektor ekonomi. Ini diharapkan boleh membawa pemodenan kepada sektor pertanian luar bandar; selanjutnya manfaatnya melimpah hingga ke pasaran antarabangsa. Usaha ini telah berjaya meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan pendapatan per kapita, tetapi sektor pertanian masih ketinggalan. Pada akhir Pelan Keempat (1977 - 1981) jurang perbezaan antara golongan kaya di bandar dengan golongan miskin di luar bandar menjadi semakin luas (Jabatan Perdana Menteri Thailand, 1997a).

Seperti yang biasa berlaku dalam negara membangun, dari segi keutamaan, sektor pertanian kerap menghadapi saingan dengan sektor perkilangan. Dari aspek pertimbangan ekonomi biasanya sektor pertanian menduduki tempat yang rendah. Oleh itu minat serta kesungguhan pengusaha pertanian, terutama di kalangan belia, menjadi merosot. Belia berhijrah ke bandar untuk memasuki sektor industri pembuatan, pengilangan dan

perkhidmatan (Jabatan Perdana Menteri Thailand, 1997a). Ini mengakibatkan tenaga belia dalam sektor pertanian berkurangan. Fenomena ini membimbangkan kerana ia boleh menjelaskan kesinambungan sektor pertanian yang menjadi tulang belakang ekonomi negara.

Lantaran itu kerajaan telah memberi perhatian yang lebih terhadap pembangunan luar bandar, khususnya pembangunan pertanian, dalam Pelan Kelima (1982 - 1986) dan seterusnya. Bermula dari Pelan Keenam (1987 - 1991) sektor swasta turut mengutamakan program pembangunan luar bandar (Jabatan Pertanian Thailand, 1997). Antara objektif utama Pelan Kelima dan seterusnya ialah untuk mewujudkan kesamaan sosial, meningkatkan perkhidmatan infrastruktur, mengimbang agihan pendapatan dan mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan petani kecilan di luar bandar (Jabatan Pertanian Thailand, 1997).

Projek-projek pertanian kebangsaan seperti Program Belia Tani (Jabatan Pertanian Narathiwat, 1997) dan penubuhan organisasi-organisasi di peringkat kampung adalah antara usaha-usaha untuk meningkatkan pertanian, tetapi pencapaiannya tidak begitu membanggakan. Kurangnya penglibatan belia dalam pertanian menjadi faktor penting yang menyebabkan rendahnya pencapaian sektor pertanian (Jabatan Pertanian Thailand, 1997).

Penglibatan dan Komitmen Belia dalam Pertanian

Pada masa ini masih terdapat sebilangan kecil golongan belia yang berdaftar (120 orang) yang masih cekal mengusahakan projek-projek pertanian

(Jabatan Perdana Menteri Thailand, 1997b). Golongan ini bersama petani golongan tua masih mampu mengekalkan kedudukan Thailand sebagai salah sebuah negara utama pembekal bahan makanan, khususnya bijirin, di Asia Tenggara; malah di peringkat antarabangsa (Jabatan Perdana Menteri Thailand, 1997a). Apa yang sangat diperlukan ialah golongan petani pelapis yang benar-benar komited untuk mengekalkan kesinambungan perusahaan pertanian negara. Oleh itu kerajaan terus berusaha supaya lebih ramai para belia mencebur pertanian secara bersungguh-sungguh.

Organisasi-organisasi atau kumpulan-kumpulan yang ditubuhkan diperingkat kampung dijadikan sebagai salah satu wadah bagi menjayakan program pertanian di peringkat akar umbi. Penubuhan ini bertujuan menyelaraskan pembangunan dengan polisi kerajaan. Ini adalah satu usaha untuk membolehkan masyarakat luar bandar bekerjasama dalam usaha memperbaiki taraf hidup mereka (Jabatan Perdana Menteri Thailand, 1997a). Jabatan Pembangunan Masyarakat di bawah Kementerian Dalam Negeri Thailand, contohnya, mengatur penduduk luar bandar ke dalam empat kategori iaitu: (1) kumpulan pentadbir tempatan seperti jawatankuasa kemajuan kampung; (2) kumpulan petani mengikut jenis tanaman yang diusahakan; (3) kumpulan kredit yang ditubuhkan oleh Bank Pertanian dan Koperasi; dan (4) kumpulan kesihatan seperti Pasukan Sukarela Kesihatan. Di samping kumpulan-kumpulan ini, ditubuhkan juga kumpulan-kumpulan khas seperti Kumpulan Surirumah dan Kumpulan Belia yang diberi keutamaan khas dalam Program Pembangunan Luar Bandar Kebangsaan. Golongan belia diberi tumpuan penting (Jabatan Pertanian Thailand, 1997).

Senario perkembangan sektor pertanian di Thailand ada beberapa persamaan dengan yang terdapat di Malaysia (Jabatan Perdana Menteri Thailand, 1997b). Di Malaysia projek-projek pertanian kebangsaan seperti Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP) yang mengutamakan penggunaan teknologi baru, dan pemberian bantuan subsidi dan perkhidmatan sokongan yang lain dilaksanakan. Antara tujuan IADP ialah untuk mengubah sikap para petani yang pasif ke arah lebih maju, cergas dan berdikari. Penglibatan belia tani didapati masih rendah. Mereka juga menjadi terlalu bergantung kepada kerajaan dan menyalahgunakan subsidi yang diberi. Melalui projek ini dapat disedari bahawa faktor utama kejayaan sesuatu projek ialah sikap yang betul dan tahap komitmen yang tinggi (Azizan, 1991).

Untuk mempertingkat komitmen belia dalam sektor pertanian, pelbagai strategi telah dilakukan oleh jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kementerian Pertanian Thailand. Pelbagai program pembinaan diri dianjurkan. Ini diperkuat dengan penekanan kepada kesedaran betapa pentingnya pertanian dan kesedaran tentang usaha-usaha kerajaan terhadap pertanian yang boleh mereka manfaatkan. Tetapi pencapaian masih tidak memuaskan (Jabatan Perdana Menteri Thailand, 1997a).

Kajian Norsiah (1994) di Selangor, Malaysia mendapati belia yang melibatkan diri dalam projek pertanian tinggi berminat hanya pada peringkat awal projek. Minat ini biasanya semakin luntur sehingga akhirnya mereka terus meninggalkan projek berkenaan. Bagi mereka, bidang ini memberi pulangan yang rendah (Asian Productivity Organisation, 1990). Kebanyakan mereka

merasakan bahawa bertungkus-lumus dalam projek pertanian adalah sesuatu yang rendah martabatnya (Asian Productivity Organisation, 1990).

Satu lagi kajian di Malaysia mendapati pada umumnya terdapat tiga kategori belia yang terlibat dalam pertanian (Azimi dan Khairuddin, 1991). Pertama ialah belia bekerja sebagai petani sepenuh masa atau sambilan; kedua, sebagai pembekal atau pemproses hasil tani; dan ketiga, sebagai pemimpin tempatan dalam pembangunan sektor pertanian.

Kategori pertama ialah mereka yang mewarisi perusahaan pertanian daripada keluarga yang berlatarbelakangkan kampung atau luar bandar. Mereka merupakan golongan terbesar jika dibandingkan dengan kategori-kategori yang lain. Usaha mereka hanya tertumpu kepada pengeluaran hasil tani mentah (atau segar) yang secara relatifnya bernilai rendah. Kategori kedua melibatkan pemprosesan dan pemasaran hasil tani yang berfungsi sebagai perantara pasaran. Ini adalah peningkatan daripada tahap asas sebagai petani biasa ke tahap keusahawanan. Hasil tani mentah diproses dan dinilai tambah bagi meluaskan ruang pasaran barang berkenaan. Kategori ketiga ialah pemimpin belia yang merancang, menyusun serta mengurus projek-projek pertanian seperti bergiat dalam koperasi kampung dan persatuan belia. Ketiga-tiga kategori ini mempunyai kepentingan, sumbangsan dan tahap komitmen tersendiri dalam sektor pertanian. Di Thailand terdapat juga kategori yang sedemikian (Jabatan Pertanian Thailand, 1997). Oleh itu, maklumat ini penting dalam memahami faktor-faktor yang mempengaruhi komitmen belia tani di sana.

Di Malaysia juga didapati penglibatan dalam kegiatan komersil dan perusahaan berkelompok masih belum mendapat sambutan yang sewajarnya (Jabatan Pertanian Malaysia, 1991). Hal ini agak menyedihkan memandangkan usaha-usaha pengembangan dan galakan projek pertanian bersepadu secara komersil telah dimulakan sejak 1978 lagi. Ternyata bahawa tahap komitmen petani masih rendah.

Di Thailand, walaupun bagaimanapun, terdapat beberapa projek pertanian belia tani yang menunjukkan prestasi yang baik malah ada projek-projek yang mencapai tahap yang membanggakan hingga mendapat pengiktirafan kerajaan Thailand (Jabatan Pertanian Thailand, 1997). Kejayaan segolongan kecil ini patut dicontohi dan diterima pakai oleh petani-petani lain. Kesanggupan mereka untuk terus bergeriat dan berkomitmen tinggi wajar dikaji.

Kenyataan Masalah

Kesinambungan sektor pertanian di masa depan bergantung kepada komitmen belia masa kini. Di Thailand penyediaan faktor-faktor fizikal seperti infrastruktur, perlaksanaan projek dan program, penubuhan organisasi-organisasi, dan bantuan subsidi sahaja tidak berjaya meningkatkan komitmen belia terhadap pertanian.

Kerajaan Thailand menyedari bahawa perubahan sikap yang membawa kepada komitmen yang tinggi sangat diperlukan. Oleh itu, pelbagai strategi melalui pelbagai program telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan di jabatan-

jabatan dan agensi-agensi Kementerian Pertanian Thailand. Namun, melalui kajian-kajian penilaian, didapati kejayaannya tidak begitu memberangsangkan. Sebilangan kecil belia, berjumlah 120 orang, yang menunjukkan kejayaan dalam perusahaan pertanian (Jabatan Pertanian Thailand, 1997). Kebanyakan projek-projek pertanian tidak maju dan tidak mampu bertahan lama. Keadaan ini juga didapati berlaku di Malaysia (Jabatan Pertanian Malaysia, 1991).

Penglibatan belia dalam pertanian akan dapat mengurangkan masalah sosial yang timbul akibat penghijrahan belia ke bandar-bandar. Di bandar ramai antara belia ini tidak tahu menggunakan masa mereka dengan baik. Banyak masa dan tenaga terbuang dengan kegiatan-kegiatan yang tidak memberi faedah seperti melepak dan berpeleseran. Pada ketika yang sama, sektor pertanian di luar bandar mengalami kekurangan tenaga belia tani. Kemudahan seperti pemodenan pertanian dengan menggunakan kaedah mekanisasi yang meluas disediakan oleh Jabatan Pertanian. Keadaan tersebut membolehkan belia tani menceburkan diri dengan bersungguh-sungguh untuk meningkatkan status sosioekonomi mereka dalam bidang pertanian.

Dalam usaha menarik belia untuk menceburi bidang pertanian, usaha mestilah dibuat untuk menaikkan status pertanian pada kaca mata golongan belia. Untuk ini, penyediaan keperluan fizikal serta usaha pembangunan belia amat perlu. Namun, kaedah pembangunan belia yang sesuai sahaja dapat mempertingkatkan komitmen mereka dalam sektor pertanian. Faktor-faktor latar belakang belia tani, personaliti, kebolehan, keperluan dan galakan daripada

masyarakat juga perlu dikenal pasti dalam mempertingkatkan komitmen mereka dalam bidang berkanaan.

Melalui kajian-kajian didapati bahawa kejayaan dan kemunduran belia tani ada kaitan dengan sikap dan personaliti individu itu sendiri (Azizan, 1991, Noorshita, 1990). Hingga kini belum ada kajian yang menjelaskan sikap dan personaliti individu belia tani yang komited di Selatan Thailand. Atas kesedaran inilah, melalui kajian yang dibincangkan ini, penyelidik cuba membuat kajian untuk memahami tahap komitmen belia tani di Narathiwat, Selatan Thailand dan bagaimakah perkaitan antara faktor-faktor yang mempengaruhi komitmen dengan tahap komitmen.

Objektif Kajian

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk mengetahui faktor-faktor yang berkaitan dengan komitmen belia tani yang membolehkan mereka berjaya dalam projek pertanian di Selatan Thailand.

Objektif khusus kajian ini pula ialah:

1. Untuk mengetahui profil belia tani (latar belakang, personaliti, keperluan, kebolehan dan galakan) di Wilayah Narathiwat, Selatan Thailand,
2. Untuk mengetahui tahap komitmen belia tani terhadap projek pertanian di Wilayah Narathiwat, Selatan Thailand, dan
3. Untuk mengetahui perkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi komitmen belia tani di Wilayah Narathiwat, Selatan Thailand dengan tahap komitmen.